

21 JAN 1997

DR MAHATHIR: MSC AKAN MEMBAWA KESAN DAN PELUANG KEPADA RAKYAT MALAYSIA

TOKYO, 21 Jan (Bernama) -- Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memberi kesan kepada kehidupan setiap rakyat Malaysia dan juga membuka peluang-peluang baru bagi mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, adalah penting bahawa projek berteknologi tinggi bernilai berjuta-juta ringgit itu dilaksanakan sekarang kerana beban kerja kerajaan telah bertambah begitu banyak sekali sehinggakan "jika kita tidak mengkomputerkan pentadbiran, kita (kerajaan) tidak akan dapat menjalankan fungsi kita".

Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia di peringkat akhir lawatan 10 hari ke California di Amerika Syarikat dan Jepun untuk mempromosi MSC di kalangan syarikat-syarikat terunggul dalam multi-media, teknologi maklumat dan industri hiburan.

Dr Mahathir yang juga mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kepada MSC yang mempunyai 30-anggota semasa lawatan itu, menyatakan lawatan itu sebagai berjaya dan ia telah mendapat respon yang memberangsangkan.

Dr Mahathir memulakan misi beliau di Los Angeles dengan mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil industri hiburan -- komponen penting dalam multimedia -- sebelum bertolak ke Universiti Stanford di tengah-tengah Lembah Silikon untuk mesyuarat IAP dan juga untuk menemui nama-nama terunggul dalam industri IT. Beliau tiba di sini pada Ahad untuk bertemu dengan eksekutif syarikat-syarikat utama Jepun dalam industri IT. --

BERNAMA

KCL PR